



“KEMUDHARATAN DALAM KESERONOKAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا
بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتَّهْلِكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
الَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa serta melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga ketaqwaan yang ditambah nilai itu membentuk kita menjadi insan soleh.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk: **"KEMUDHARATAN DALAM KESERONOKAN"**.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Islam menitikberatkan kemaslahatan umatnya dan menjaga daripada segala kemudharatan dan kebinasaan seperti mana yang termaktub dalam Maqasid Syariah iaitu memelihara dan menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Untuk memastikan kelima-lima perkara tersebut dapat dipelihara dengan baik, maka Islam menuntut umatnya untuk memilih sesuatu yang baik (halal) lagi berkhasiat, memberi manfaat dan yang memberi keberkatan termasuk makanan dan minuman.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 172:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُّاً مِّنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ
وَآشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ





"Wahai orang yang beriman! Makanlah dari rezeki yang baik yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu beribadat kepada-Nya".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sebagaimana yang kita maklum bahawa merokok amat berbahaya untuk kesihatan dan telah difatwakan haram. Baru-baru ini tercetus pula fenomena menghisap shisha yang menjadi perbincangan hangat di kalangan masyarakat di negara kita. Perbuatan menghisap shisha dianggap sebagai tabiat buruk yang baru muncul dalam kepada masyarakat Malaysia khususnya golongan muda di bandar-bandar. Perkhidmatan menghisap shisha mudah diperolehi daripada sebahagian restoran dan gerai makanan yang bermurah hati menyediakannya.

Apakah yang dikatakan shisha? Shisha adalah sejenis alat yang digunakan untuk mengeluarkan asap menggunakan penuras air dan haba secara tidak langsung. Ia boleh digunakan bagi menghisap berbagai bahan seperti herba buah, tembakau dan ganja.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada tahun ini telah memutuskan hukum menghisap shisha menurut pandangan syarak adalah haram.

Kenapa shisha diharamkan?

Pertama : Pandangan daripada sudut sains

Kajian yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati bahawa menghisap shisha



sama bahayanya dengan menghisap rokok, malah lebih mudharat lagi.

Semua dapatan saintifik yang telah dihasilkan menerusi pelbagai kajian samada di peringkat negara atau antarabangsa telah membuktikan bahawa shisha memberi kesan yang amat merbahaya.

Hasil penyelidikan yang dijalankan, penggunaan shisha dikaitkan dengan berbagai jenis penyakit serius seperti penyakit jantung koronari, penyakit sistem pernafasan yang kronik, kanser mulut, kanser pundi kencing dan juga saluran darah tersumbat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Penggunaan shisha juga dikaitkan dengan beberapa jenis penyakit berjangkit yang menular melalui air liur akibat daripada perkongsian paip seperti tibi, hepatitis, jangkitan virus dibahagian pernafasan bahkan juga HIV.

Manakala asap daripada shisha yang terhasil dari pembakaran tembakau dan arang yang dihisap antara 20 hingga 80 minit itu, mengandungi gas merbahaya seperti karbon monoksida dan hidrokarbon yang merupakan bahan penyebab kanser dan leukimia yang kesemua itu boleh menjadi penyebab kepada kematian segera dan mengejut.

Jabatan Kimia Malaysia telah mengesahkan bahawa semua bahan yang digunakan untuk menghisap shisha samada yang dikilang atau buatan sendiri adalah mengandungi tembakau.



Berdasarkan kepada hasil kajian dan penyelidikan yang dijalankan disamping pandangan syarak maka jelas membuktikan bahawa shisha amat merbahaya dan boleh memudharatkan penghisapnya.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Seandainya amalan menghisap shisha terus dibiarkan menjadi tabiat buruk di Malaysia, sedangkan ia mendatangkan kemudharatan kepada penghisapnya, sudah pasti ia akan merugikan Negara dalam jangka panjang termasuk pembangunan ekonomi dan pembentukkan generasi ummah akan datang. Kerajaan juga terpaksa mengeluarkan kos perbelanjaan yang besar untuk menanggung kos rawatan kepada mereka yang menghidap pelbagai penyakit akibat sedutan shisha yang dihisapnya, sebagaimana hari ini Negara menghadapi perbelanjaan besar mengatasi penyakit akibat merokok.

Sesungguhnya pembangunan ummah mudah dicapai sekiranya setiap pewaris Negara kita dapat memastikan maqasid syar'iah (matlamat hukum syarak) tercapai dengan baik iaitu menjaga agama, akal, jiwa, keturunan dan harta sekiranya Negara memiliki rakyat yang sihat dan cerdas.

Justeru semua umat Islam hendaklah menyambut baik fatwa pengharaman shisha dan meninggalkan serta merta perbuatan tersebut kerana jelas ia tiada membawa apa-apa manfaat sebaliknya membawa kemudharatan semata-mata.

Firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat 6:



وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْتَرِي لَهُوَ الْحَدِيثُ لِيُضْلِلَ عَنْ
سَبِيلِ اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَخَذَّلَ هُنُوَّاً جَأْوِيلَكَ هُمْ
عَذَابٌ مُّهِينٌ

"Ada di antara manusia: yang memilih serta membelanjakan hartanya kepada hiburan-hiburan yang melalaikan; yang akibatnya menyesatkan (dirinya dan orang ramai) dari jalan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan; dan ada pula orang yang menjadikan jalan Allah itu sebagai ejek-ejekan; merekalah orang-orang yang akan beroleh azab Yang menghinakan".

Kedua : Pandangan dari sudut syarak

Islam melarang umatnya membiarkan diri terdedah kepada bahaya sehingga membinasakan diri.

Firman Allah SWT surah al-Baqarah ayat 195,

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِي كُمْرٍ
إِلَى التَّهْلِكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ



"Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

Disamping itu juga, hadis daripada Abi Said al-Khudri bawahwa Rasulullah saw bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضَرَارَ.

"Tidak boleh mudharatkan (diri sendiri) dan memberi kemudharatan (kepada orang lain)".

(Riwayat Ahmad, Malik, Ibn Majah dan al-Daraqutni)

Apabila seseorang itu terdedah kepada bahaya yang memudharatkan, maka tindakan pencegahan perlu diambil bagi menutup segala ruang yang boleh menjuruskan seseorang itu ke lembah kebinasaan.

Tuntutan ini bertepatan dengan kaedah Usul Fiqh iaitu **سُدُّ النَّرْيَعَةِ** yang bermaksud **menutup pintu kerosakan** dan **ذُرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَنْبِ الْمَصَالِحِ** yang bermaksud **menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan.**

Dalam konteks menghisap Shiha, ia termasuk dalam kategori melakukan kemudharatan bukan sahaja terhadap diri sendiri malah melibatkan orang lain. Maka ia perlu



dielakkan bagi menjamin kemaslahatan umat Islam dalam memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita muhasabah diri, melihat buruk baiknya sesuatu perkara yang hendak dilakukan. Pilihan ada ditangan kita, samaada untuk terus tenggelam dengan pujuk rayu nafsu yang membawa kepada kebinasaan atau jalan kebahagiaan yang dipandu oleh keimanan dan ketaqwaan terhadap Allah swt. Tinggalkanlah amalan yang boleh membinasakan diri seperti arak, menghisap shisha, merokok, vapour (rokok elektronik), curut, paip dan lain-lain lagi.

Sama-samalah kita nasihat-menasihati sesama kita, anak-anak dan keluarga kita supaya menjauhi daripada kebinasaan dan kehancuran yang berpunca daripada kelalaian dan kealpaan diri kita sendiri. Mudahan-mudahan Allah swt sentiasa memberi keberkatan hidup kita dengan limpah rahmatnya dan berkat syafaat Nabi Muhamad s.a.w.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا قُوَّا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُودُهَا
النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَئِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ
اللَّهُمَّ اأْمِرْهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ





"Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarannya ialah manusia dan batu (berhala). Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya). Mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan".

(At-Tahrim : 6)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِهَا الْذِينَ إِذَا مَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذْرِيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ



لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةِ أَنْ تَحْفَظَ
بَعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىْةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah



golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللهِ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَمِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.